

**7 - 10 FEBRUARI 2023**

**KURSUS ASAS PENTADBIRAN TANAH BILANGAN 1**

Kursus ini telah berjaya dilaksanakan selama 4 hari dengan kehadiran peserta seramai 32 orang dari pentadbiran tanah dan agensi kerajaan seluruh Malaysia. Kursus ini telah diadakan di Pusat Kecemerlangan Perundangan Tanah, INSTUN.

Objektif kursus ini pada dasarnya adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan aspek pentadbiran tanah.

Penceramah jemputan terdiri daripada Encik Nazli bin Zainal, BPP JKPTG dan Encik Mazlan bin Mohd Daly dari JAKOA. Turut menyampaikan satu slot ceramah berkaitan strata adalah Encik Haziq Syuwari dari INSTUN. Ini adalah kali terakhir beliau di INSTUN sebelum berpindah ke SUK Perak kerana kenaikan pangkat.

InsyaaAllah, moga kita berjumpa lagi di lain kursus. Terima kasih dengan komitmen dan kehadiran semua peserta ke kursus pertama anjuran BPPT INSTUN ini bagi sesi 2023.



